

Info Cukai

Oleh: HASIL

Cukai terhadap Individu Berpendapatan Perniagaan: Apakah yang Anda Perlu Tahu?

Cukai bagi pendapatan perniagaan dikenakan ke atas perniagaan atau profesion yang menerima kemasukan wang ke dalam akaun bank individu termasuklah mempengaruhi seperti Youtubers dan Instafamous atau yang membuat ulasan berbayar (paid review) dan lain-lain. Senarai pendapatan yang dikenakan cukai bagi individu boleh dirujuk di www.hasil.gov.my dengan menaip kata kunci carian BILA DIKENAKAN CUKAI di halaman utama Portal Rasmi HASiL.

Bagi kategori ini, tiada pendapatan minimum untuk dikenakan cukai. Jadi, anda perlu mendaftar fail cukai pendapatan sebaik-baik sahaja perniagaan anda didaftarkan atau kerjaya profesional dimulakan.

Cukai pendapatan dikenakan terhadap individu pada kadar 0 peratus hingga 30 peratus bergantung pada jumlah pendapatan yang dilaporkan. Hal ini bermakna, semakin tinggi pendapatan yang boleh dicukai, semakin tinggi kadar cukai yang boleh dikenakan. Begitu juga sebaliknya. Jadi, tidak perlu bimbang untuk melaporkan pendapatan anda.

INFO CUKAI HASIL

Penyampaian Taklimat Percukaian di bawah Program Jom Kita HASIL adalah secara PERCUMA bagi tujuan meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela.

KAEDAH PILIHAN

BERSEMUKA **MAYA**

TOPIK PILIHAN

RAHSIA JIMAT CUKAI
PENIAGA BIJAK CUKAI
TAX & EXPATRIATES
PENAMATAN PERKHIDMATAN
BERSAMA HASIL BANGUN NEGARA
LAYANAN PERCUKAIAN KEPADA SYARIKAT

SYARAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat dalam tempoh 14 hari bekerja sebelum program dijalankan.
2. Minimum 15 orang peserta untuk setiap permohonan taklimat.
3. Permohonan terbuka kepada wargi majlis / IPT / Persatuan sahaja.
4. Penyampaian taklimat dalam Bahasa Melayu kecuali topik "Tax & Expatriates".
5. Kelulusan permohonan taklimat tertakluk kepada ketersediaan tarikh dan penceramah LHDN.

CARA PERMOHONAN

Imbas kod QR atau e-mel kepada taxeducation@HASIL.GOV.MY

www.hasil.gov.my <https://www.facebook.com/LHDNOfficial> <https://www.instagram.com/LHDNOfficial> <https://www.youtube.com/LHDNOfficial> 03-9911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

Yang berikut dikongsikan langkah yang boleh diikuti untuk menjadi seorang pembayar cukai yang bertanggungjawab:

1. Daftar fail cukai pendapatan secara dalam talian menerusi aplikasi e-Daftar di MyTax melalui pautan <https://mytax.hasil.gov.my/> sekiranya masih belum mempunyai Nombor Cukai Pendapatan.
2. Laporkan pendapatan menerusi perkhidmatan e-Filing di MyTax. Bagi individu pemastautin yang mempunyai punca pendapatan perniagaan, anda perlu memilih Borang B. Pilih Borang M sekiranya individu tersebut bukan pemastautin.
3. Bayar cukai pendapatan (sekiranya ada) secara dalam talian melalui platform ByrHASiL juga di MyTax.
4. Pastikan anda ingat tarikh akhir penghantaran borang cukai bagi individu yang mempunyai punca pendapatan perniagaan, iaitu selewat-lewatnya pada 30 Jun setiap tahun. Tambahan masa diberikan sehingga 15 Julai bagi pengguna e-Filing.
5. Jika telah selesai melaporkan pendapatan dan bayar cukai anda, jangan lupa untuk menyimpan dokumen, rekod dan akaun perniagaan bagi tempoh 7 tahun.
6. Pastikan juga anda menyediakan akaun dan penyata bagi pendapatan lain dan mematuhi Notis Bayaran Ansuran (CP500).
7. Maklumkan juga secara bertulis kepada HASiL sekiranya perniagaan ditamatkan atau berlaku pertukaran ahli kongsi.

MyTax
LAYARI POTAL

<https://mytax.hasil.gov.my> 🔍



INFO PERCUKAIAN DI HUJUNG JARI ANDA

www.hasil.gov.my facebook.com/LHDNM @LHDNMofficial 03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT / CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

